SULIT

Tasawwur
Islam
Kertas 1
September
2010
1 ¼ Jam

Nama Pelajar : ____________________

Tingkatan : ____________________

JABATAN PELAJARAN PERAK
DARUL RIDZUAN

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

## TASAWWUR ISLAM
**KERTAS 1**
**Satu jam lima belas minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B
2. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan **Bahagian B**
3. Hitamkan jawapan anda untuk **Bahagian A** di ruang yang disediakan pada halaman 6 dalam kertas soalan ini
4. Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian B** di ruang yang disediakan di dalam kertas soalan ini.

| Untuk Kegunaan Pemeriksa | |
|---|---|
| Bahagian | Markah |
| A | |
| B | |
| JUMLAH | |

Kertas soalan mengandungi 9 halaman bercetak



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

Bahagian A
[ 20 markah ]

1 | Para nabi dan rasul terpelihara daripada dosa dan maksiat. |

Pernyataan di atas merujuk kepada
A mukjizat.
B makrifah.
C maksum.
D maunah.

2 Liberalisme ialah ________
A fahaman yang mementingkan keduniaan semata-mata.
B fahaman yang terlalu ekstrim memberi kebebasan kepada individu.
C fahaman yang memisahkan urusan keduniaan dengan urusan agama.
D fahaman yang menghapuskan hak milik perseorangan dan menjadikannya sebagai milik negara.

3 Memulihara alam bermaksud
A menjaga alam daripada pencemaran.
B membela alam dari sebarang kemusnahan.
C mengembalikan alam kepada habitat asalnya.
D melindungi alam daripada sebarang kerosakan.

4 Antara berikut yang manakah tanggungjawab manusia terhadap Allah SWT?
I Mentaati segala laranganNya.
II Menjauhi semua suruhanNya.
III Menggunakan nikmat pemberianNya
IV Menyembah Allah SWT dengan ikhlas.

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

"Sesungguhnya agama di sisi Allah ialah Islam"
*(Maksud Surah Ali 'Imran : 19)*

5 Maksud firman Allah di atas menjelaskan tentang
A Keunggulan Islam.
B Islam sebagai ad-Din.
C Ajaran Islam sebenar.
D Islam agama sejahtera.

 © 2010 *Hakcipta JPN Perak* 

skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

6 | Mempercayai sesuatu yang nyata atau zahir dan perkara-perkara ghaib yang mempunyai dalil serta bukti |

Pernyataan di atas merujuk kepada *Waqi'iyah* dalam
A ibadat.
B akidah.
C kerohanian.
D undang-undang.

7 Antara prinsip-prinsip *Syumuliyyah* ialah
I Manusia terikat dengan masa, tempat dan ruang.
II Manusia adalah sebaik-baik kejadian.
III Islam adalah ciptaan Allah SWT.
IV Praktikal bukan utopia.

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV

8 Islam telah menetapkan beberapa syarat untuk menjadi seorang ketua negara. Syarat tersebut ialah
I adil dan saksama.
II lelaki atau wanita.
III seorang muslim yang mukmin.
IV berilmu dan mamahami masalah negara.

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

9 Berikut adalah cara untuk merealisasikan keadilan sosial dalam sesebuah negara **kecuali**
A mengagihkan zakat kepada semua ahli masyarakat.
B menyediakan peluang pendidikan kepada rakyat.
C mengenakan tindakan tanpa mengira keturunan.
D menyediakan kemudahan asas kepada rakyat.

10 Antara tanggungjawab hakim dalam sesuatu perbicaraan ialah
A tidak menjatuhkan hukuman ketika marah.
B beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT.
C mencari saksi dan bukti yang sah.
D membicarakan pesalah.

 © 2010 *Hakcipta JPN Perak* 

skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

11 En. A memberi RM500.00 kepada En. B kerana meluluskan permohonan [illegible] ruang niaga di kawasan bandar

Situasi di atas mempunyai unsur
A riba.
B rasuah.
C monopoli.
D manipulasi.

12 Manakah situasi yang menggambarkan cara memperolehi harta secara haram?

A Berkongsi perniagaan dengan orang bukan Islam.
B Melabur dalam saham berasaskan spekulasi.
C Membuka kedai runcit hingga larut malam.
D Menanam pokok.

13 Antara berikut yang manakah **bukan** cara pemilikan harta oleh individu?
A Melalui pewarisan.
B Melalui pekerjaan.
C Melalui pinjaman.
D Melalui hibah.

14 Islam melarang umatnya mencerobohi harta orang lain kerana
I terhindar perbuatan mengkhianati harta orang lain.
II berlaku huru hara dalam masyarakat.
III lahir individu yang malas bekerja.
IV terhapus sikap tolong menolong.

A I , II dan III
B I , II dan IV
C I , III dan IV
D II, III dan IV

15 Pernyataan manakah yang menunjukkan kebaikan fatwa?
I Melahirkan umat Islam yang sentiasa berfikir dalam mencari kebenaran.
II Menyelesaikan masalah yang timbul dalam masyarakat dengan cepat
III Menjadikan umat Islam yang patuh kepada ajaran agama.
IV Mewujudkan umat Islam yang berdisiplin dan harmoni.

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

16 Hikmah penetapan hukum haram ialah
A memastikan manusia tidak meninggalkan perkara asas dalam agama.
B memastikan kepentingan diri manusia terpelihara daripada kerosakan.
C mendorong umat Islam sentiasa melakukan kebaikan seperti bersedekah.
D supaya manusia berhati-hati dan tidak terjerumus kepada perbuatan haram.

17 Manakah antara berikut termasuk dalam kesalahan Qisas?

| | Kesalahan | Hukuman |
|---|---|---|
| A | Mencuri | Dipotong tangan |
| B | Zina bagi yang belum kahwin | Disebat 100 kali |
| C | Membunuh dengan sengaja | Dibunuh balas |
| D | Minum arak | Disebat 40 kali |

18
- Melarang umatnya melakukan jenayah.
- Mensyariatkan hukum jenayah Islam.
- Mengamalkan akhlak mulia.

Pernyataan di atas merujuk kepada
A jati diri ummah.
B perpaduan ummah.
C kesaksamaan sosial.
D jaminan keselamatan.

19 Kesan penyelesaian isu jati diri ummah kepada individu ialah
A kehidupan masyarakat menjadi aman.
B negara dan umat Islam menjadi maju.
C dapat menjana kekuatan ummah yang sejati.
D setiap umat Islam boleh berdikari dalam semua perkara.

20 Antara berikut yang manakah cara untuk menangani masalah kesaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat majmuk?
I Mengamalkan sifat toleransi.
II Sentiasa melakukan amal kebajikan.
III Sentiasa prihatin terhadap penderitaan orang lain
IV Meyakini bahawa Islam melarang umatnya menyombongkan diri.

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

© 2010 *Hakcipta JPN Perak*

skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

# KERTAS JAWAPAN

## Bahagian A

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | (A) | (B) | (C) | (D) | 11 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 2 | (A) | (B) | (C) | (D) | 12 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 3 | (A) | (B) | (C) | (D) | 13 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 4 | (A) | (B) | (C) | (D) | 14 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 5 | (A) | (B) | (C) | (D) | 15 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 6 | (A) | (B) | (C) | (D) | 16 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 7 | (A) | (B) | (C) | (D) | 17 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 8 | (A) | (B) | (C) | (D) | 18 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 9 | (A) | (B) | (C) | (D) | 19 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 10 | (A) | (B) | (C) | (D) | 20 | (A) | (B) | (C) | (D) |

| Markah Bahagian A |
|---|
| |



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

## Bahagian B

[20 markah]

Untuk Kegunaan Pemeriksa

Soalan 21 hingga soalan 24

Tulis *istilah* yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan.

21. Kesalahan dan hukuman yang tidak ditetapkan oleh syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk memutuskannya. [ ] 1

22. Merupakan tempat sementara menunggu hari akhirat. [ ] 1

23. Mempunyai kemampuan mencipta, menghasilkan dan mengembangkan idea. [ ] 1

24. Satu kegiatan yang dilakukan untuk mendapatkan sumber pendapatan atau harta yang halal. [ ] 1

Soalan 25 hingga soalan 28

Lengkapkan pernyataan berikut

25. ______________________ ialah wahyu yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW. 1

26. Bekerja merupakan suatu ______________________ jika dilakukan menepati kehendak syarak. 1

27. ______________________ ialah muamalah yang berbentuk simpanan dan pelaburan wang. 1

28. ______________________ merupakan badan permesyuaratan tertinggi dalam negara Islam. 1

 © 2010 *Hakcipta JPN Perak* 

skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

Soalan 29 hingga soalan 32

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan ( ✕ ) pada pernyataan yang SALAH.

29. Makkah al-Mukarramah merupakan kota pertama dalam pemerintahan Islam yang diasaskan oleh Rasulullah SAW.

30. Ibadat yang sempurna mendidik manusia bersifat sederhana dalam mencari keredhaan Allah SWT.

31. Perpaduan ummah hanya dapat diwujudkan melalui pemerintahan yang mengamalkan sistem demokrasi.

32. Kelebihan bekerja sendiri tidak terikat dengan waktu dan tempat.

Soalan 33 hingga soalan 34

Carta di bawah merujuk tentang pembubaran perkahwinan




Berdasarkan carta di atas,

33. P ialah ______________________.

34. Q ialah ______________________.



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

Soalan 35 hingga soalan 36

Carta di bawah merujuk tentang pembahagian ibadat




Berdasarkan carta di atas,

35. R ialah ______________________. 1

36. S ialah ______________________. 1

Soalan 37 hingga soalan 40

Tentukan pernyataan di bawah dengan menuliskan (X) atau (Y) pada ruangan jawapan yang disediakan.

| X | Prinsip Rububiyyah | | Y | Prinsip Uluhiyyah |
|---|---|---|---|---|

| Pernyataan | Jawapan |
|---|---|
| Allah SWT pencipta, pentadbir dan pemilik alam ini. | 37. __________ |
| Paksi utama keimanan tauhid ini ialah kalimah syahadah. | 38. __________ |
| Mengakui hanya Allah SWT yang layak disembah dan ditaati. | 39. __________ |
| Allah SWT berkuasa memberi sesuatu mengikut kehendakNya. | 40. __________ |

1 1 1 1

KERTAS SOALAN TAMAT

 © 2010 *Hakcipta JPN Perak* 

skema Jawapan: www.banksoalanspm.com